



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

KERAJAAN BERSETUJU MENERUSKAN BANTUAN PENGHARGAAN KHAS KEPADA PESARA (PKKP) UNTUK TEMPOH JANUARI 2024 HINGGA DISEMBER 2024

Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya pemberian bantuan **Penghargaan Khas Kepada Pesara (PKKP) diteruskan untuk tempoh Januari 2024 hingga Disember 2024** kepada pesara dan penerima pencen terbitan yang terkesan dengan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 27 Jun 2023.

Sebelum ini, Kerajaan telahpun memutuskan supaya bayaran PKKP dilaksanakan bagi tempoh Julai 2023 hingga Disember 2023 kepada pesara dan penerima pencen terbitan yang terkesan susulan Mahkamah Persekutuan memutuskan Seksyen 3 dan 7 Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2013 [*Akta A1447*] adalah tidak sah dan undang-undang sebelum pindaan adalah terpakai dengan sendirinya bagi tujuan penyelarasan pencen.

Keputusan pemberian bantuan PKKP merupakan komitmen berterusan Kerajaan dalam menjaga kebajikan pesara selain menghargai sumbangan pesara semasa dalam perkhidmatan.

####

**Dato' Seri Dr. Zulkapli bin Mohamed
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 14 Disember 2023

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (55)